

Jawatan bagi yang kalah

Mustafa Jabar undur diri

Oleh Nordin Mohamad

KUALA LUMPUR, Isnin — Senator Datuk Haji Mustafa Jabar akan mengundur diri sebagai Setiausaha Agung UMNO Malaysia selepas Perhimpunan Agung parti itu 26 Jun ini.

Keputusan ini diambil bagi memberi peluang kepada tokoh yang tidak terpilih sebagai Timbalan Presiden UMNO mengambil alih kerusi Setiausaha Agung yang tidak kurang pentingnya dalam organisasi parti itu, katanya.

Senator Datuk Haji Mustafa ketika mengumumkan keputusannya itu menyalakannya sebagai 'formula' untuk menyelamatkan UMNO dari kehilangan salah seorang tokoh yang akan kalah dalam pertandingan tersebut.

"Saya, sebagai Setiausaha Agung, dengan tulus ikhlas bersedia mengundur diri supaya jawatan Setiausaha Agung dapat dikurniakan kepada calon yang tidak berjaya, demi menjaga perpaduan dan ketuhanan UMNO," tegas beliau dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Senator Datuk Haji Mustafa, beliau akan menulis surat kepada Datuk Seri Dr. Mahbub Mohamad' selepas Perhimpunan Agung UMNO ini supaya tidak lagi melantiknya sebagai Setiausaha Agung UMNO.

Beliau dilantik memegang jawatan tersebut sejak tahun 1978 menggantikan

Takuk Seno Abdul Rahman. Tarikh Perhimpunan Agung 26 Jun ini adalah tamat tempoh tiga tahun syarat perkhidmatan beliau sebagai Setiausaha Agung UMNO.

Katanya, keputusan tersebut juga selaras dengan hasrat Majlis Tertinggi (MT) dan ahli-ahli UMNO supaya salah seorang calon Timbalan Presiden yang gagal tidak akan mengundur diri dari parti dan Kerajaan.

Beliau berharap seluruh ahli parti akan berama-sama merestui harapan ahli-ahli MT kepada kedua tokoh tersebut, semoga Allah akan memberi lauk dan hidayah kepada mereka untuk meneruskan khidmat kepada parti dan kerajaan, demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Beliau menegaskan, kekalahan seseorang calon dalam pemilihan itu tidak bermakna karier politiknya berakhir, kerana mereka masih muda dan banyak lagi peluang untuk meneruskan perjuangan politik bagi kepentingan rakyat dan negara.

Menurut beliau, walaupun tidak melalui jawatan Timbalan Presiden, tetapi melalui jawatan-jawatan lain dalam MT, mereka boleh terus berkhidmat kepada parti dan Kerajaan.

Beliau menasihatkan tokoh yang berjaya supaya jangan terlalu gembira kerana ia merupakan satu amanah yang besar dan berat terhadap rakyat dan negara.

Setiausaha Agung itu juga menasihatkan para penyokong calon yang menang tidak meluahkan perasaan yang keterlaluan sehingga boleh menyinggung perasaan pihak yang tidak bernasib baik.

"Perasaan yang meluap-luap dan kegemilangan yang keterlaluan boleh membawa kesan tidak sihat ke atas perpaduan parti," ujar beliau.

No. Siri 11,978
No. Pener-maan 291/81

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia